KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **19 JUN 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 15

# KPDN beri notis peniaga naik harga LPG



*Anggota KPDN Perlis memeriksa harga ayam pada Ops Kesan 2.0 di sebuah pasar raya di Perlis, Ahad lalu.* (Foto Wan Nabil Nasir/BH)

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengeluarkan notis terhadap seorang peniaga selepas didapati menjual gas petroleum cecair (LPG) melebihi harga kawalan.

Hasil pemeriksaan ke atas premis di Bandar Bukit Puchong, Selangor Sabtu lalu, peniaga terbabit dikesan menjual LPG berkapasiti 14 kilogram (kg) pada harga RM34 berbanding harga kawalan ditetapkan, iaitu RM26.60.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Datuk Azman Adam, berkata pemeriksaan dilakukan susulan video tular berkaitan penjualan LPG terbabit.

"Hasil daripada uji beli yang dilakukan mendapati LPG berkapasiti 14kg dijual pada harga jualan RM34 per tong berbanding harga kawalan ditetapkan kerajaan iaitu RM26.60 per tong bagi LPG berkapasiti sama.

"Alasan yang diberikan oleh peniaga terbabit menjual melebihi harga kawalan adalah susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel oleh kerajaan bermula 10 Jun 2024," katanya menerusi kenyataan semalam.

Azman berkata, penguat kuasa bertindak, dengan menyita LPG terbabit selain beberapa dokumen perniagaan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) kerana menjual barang kawalan berjadual melebihi harga kawalan.

Katanya, satu notis bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Akta 723 juga dikeluarkan kepada peniaga terbabit untuk mengemukakan maklum balas berhubung harga jualan dan kos LPG yang dijual dalam tempoh lima hari bekerja kepada KPDN.

## 993 premis diperiksa

Sementara itu, beliau berkata, berdasarkan statistik Ops Kesan 2.0 bermula 20 Mei sehingga semalam, sebanyak 993 premis diperiksa di seluruh negara.

Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 209 notis bertulis di bawah Seksyen 21 Akta 723 dikeluarkan kepada peniaga di seluruh negara.

"KPDN ingin memberikan amaran bahawa mana-mana pihak didapati mengambil kesempatan melakukan manipulasi harga dan caj perkhidmatan dikenakan tindakan tegas, terutama di bawah Akta 723 dan boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat, manakala sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 8

# Peniaga, pengguna lega harga telur turun

## Kadar baharu bantu kurangkan kos perniagaan, mampu berjimat

Oleh Zatul Iffah Zolkiply dan Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my



*Kerajaan putuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji selaras usaha kembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.* (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Penurunan harga runcit telur ayam gred A, B dan C sebanyak tiga sen sebiji berkuat kuasa kelmarin, memberi kelegaan kepada golongan peniaga, terutama yang berniaga secara kecil-kecilan, selain turut disambut baik pengguna di seluruh negara.

Rata-rata peniaga makanan menyifatkan harga baharu telur dapat membantu mengurangkan kos perniagaan mereka memandangkan telur banyak digunakan dalam pelbagai masakan, selain menjadi bahan utama pembuatan kuih dan pastri.

Di **Kuala Terengganu**, peniaga roti canai, Siti Aisyah Yusof, 36, berkata penurunan harga telur diumumkan kerajaan sedikit sebanyak membantu berjimat.

"Saya akan beli lima atau enam papan telur untuk berniaga, jadi perlu peruntuk antara RM50 hingga RM70 sehari. Apabila kerajaan umum penurunan tiga sen sebiji, saya dapat jimat sekurang-kurangnya RM10 setiap hari.

"Kita pun tahu harga bahan mentah lain seperti bawang, tepung dan minyak masak semakin mahal, jadi apabila ada pengurangan harga telur, ia mengurangkan kos operasi sekurang-kurangnya antara RM200 hingga RM300 sebulan," katanya.

Suri rumah, Masirah Abd Aziz, 32, berkata harga baharu telur dianggap munasabah dan berharap tiada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga atau menyorok bekalan.

"Walaupun penurunan hanya tiga sen sebiji, ia tetap membantu pengguna memandangkan telur antara bahan makanan yang digunakan hampir setiap hari.

"Saya rasa lega sangat kerana sebelum ini berfikir dulu sebelum beli telur sehingga ada masanya perlu buat perbandingan dari satu kedai ke satu kedai untuk mencari harga paling rendah," katanya.

Di **Negeri Sembilan**, peniaga biskut dan kek, Nur Anisa Hanis Ramli, 42, berkata walaupun segelintir melihat penurunan harga itu hanya sedikit, kesannya amat dirasai pengusaha produk yang menggunakan telur sebagai bahan utama.

"Sebagai contoh, saya yang menjadikan pekerjaan ini sebagai mata pencarian memerlukan lebih 60 biji telur setiap dua minggu, jadi penurunan harga tiga sen sebiji ini memang membantu mengurangkan kos yang saya tanggung," katanya.

Di **Kedah**, peniaga makanan, Ashraf Zaidi, 33, berkata penurunan harga itu dapat mengurangkan kos perniagaannya, malah ia sekali gus turut memberi manfaat kepada pelanggan memandangkan harga makanan berasaskan telur dapat diturunkan sedikit selepas ini.

Di **Pahang**, ibu tunggal, Mariam Abdul Ghani, 48, menyifatkan langkah itu membantu golongan kurang berkemampuan kerana telur adalah sumber protein yang lebih murah untuk keperluan harian keluarga.

### Kurang tekanan kewangan

Di **Perlis**, Rizalina Mad Saad, 46, menyifatkannya sebagai langkah peka terhadap situasi rakyat, terutama golongan B40 memandangkan telur lazimnya menjadi keperluan asas di dapur setiap rumah.

Di **Selangor**, pembuat kek dan pastri, Intan Bairura Zainal, 39, berkata langkah itu dapat mengurangkan tekanan kewangan pada pengusaha bakeri kerana kebanyakan harga barangan membuat kuih dan kek semakin meningkat kini.

"Keputusan menurunkan harga telur tepat pada masanya kerana walaupun mahu untung, kami tetap perlu menawarkan harga berpatutan kepada pelanggan. Ini mungkin permulaan kepada usaha kerajaan menurunkan harga barangan keperluan lain, selaras hasrat mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat secara berperingkat," katanya.

Di **Sarawak**, suri rumah, Zihani Ismawi, 35, yang juga pengusaha karipap sejuk beku berkata, pengurangan harga telur dapat membantu mengurangkan beban kos harian dan meningkatkan daya beli terutama golongan yang bergantung kepada telur sebagai sumber protein.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, mengumumkan harga runcit telur ayam gred A, B serta C di seluruh negara diturunkan tiga sen sebiji, menjadikan harganya masing-masing turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji, berkuat kuasa kelmarin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 8

# Penurunan harga bergantung kos pengeluaran, subsidi

**Kuala Lumpur:** Penurunan harga telur dikuatkuasakan ketika ini bergantung kepada kos pengeluaran dan subsidi.

Walaupun kos bahan makanan ayam turun, kerajaan tetap menanggung subsidi telur sebanyak RM100 juta.

Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN), Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata penurunan harga telur sebanyak tiga sen sebiji bagi semua gred A, B dan C tidak bermakna subsidi tidak diteruskan.

"Oleh itu, pengguna perlu faham pengawalan harga makanan asas masih dikuatkuasakan oleh kerajaan dan kerajaan berperanan untuk menetap dan menguatkuasakan harga siling.

"Dengan kadar penggunaan telur per kapita rakyat Malaysia adalah sekitar 17.2 kilogram (kg), bermakna permintaan untuk telur tetap tinggi," katanya kepada *BH* semalam.

Mohd Azmi berkata, diet Malaysia dari segi sumber protein sangat bergantung kepada bekalan termurah antaranya telur.

"Peniaga perlu beretika untuk tidak meraih keuntungan melampau, manakala pengguna perlu cermat dalam berbelanja supaya keperluan utama diberi kepada perkara asas. Harga dan bekalan juga harus dipantau pengguna supaya pasaran tidak dieksploitasi oleh peniaga," katanya.

Mengulas sama ada penurunan harga telur akan dapat memberi jaminan akan ada lebih bekalan telur dalam pasaran, beliau berkata, kurang atau berlebihan bekalan bergantung kepada import telur dari luar serta permintaan tempatan.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader, berkata penurunan harga runcit telur akan membantu mengurangkan masalah kewangan ditanggung golongan berpendapatan rendah, terutama mereka yang perlu membelinya dalam kuantiti banyak.


*Mohd Azmi*

"Langkah ini juga akan membantu peniaga dan penjual makanan kerana boleh menurunkan kos. CAP berharap peniaga yang banyak menggunakan telur, tidak akan menaikkan harga makanan mereka selepas ini," katanya.

## Stok lama jual harga asal

Pengerusi Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Bumiputera Pasar Siti Khadijah di Kelantan, Ahmad Nazri Che Omar, berkata inisiatif itu memberi peluang untuk peniaga khususnya penjual makanan meraih sedikit keuntungan memandangkan masih ada yang menawarkan kuih pada harga lama, walaupun berlaku kenaikan harga telur sebelum ini.

Sementara itu, pemborong telur yang mahu dikenali sebagai Nur, 34, berkata harga baharu bagi telur gred A ialah RM12.60 sepapan, RM12 (gred B) dan RM11.40 (gred C) yang dijangka mula dijual dalam masa terdekat sebaik bekalan baharu diperoleh.

"Buat masa ini saya perlu menghabiskan stok lama pada harga asal iaitu RM13.50 sepapan bagi telur gred A, RM12.90 bagi gred B dan RM12.30 bagi gred C. Bila habis bekalan lama, kita akan jual ikut harga yang diumumkan kerajaan," katanya.

Pemilik kedai pemborong yang mahu dikenali sebagai Zam, 49, menyifatkan pengumuman itu sebagai mendadak kerana kebanyakan penjual telur sudah mendapatkan bekalan beberapa hari sebelum Aidiladha.

Beliau berkata, sepatutnya kerajaan memberi tempoh tertentu untuk pelaksanaan penurunan harga itu bagi memberi masa untuk peniaga sepertinya menghabiskan stok telur yang sedia ada pada harga lama.

"Dua hari sebelum Aidiladha saya baru menerima stok telur sekitar 200 papan dan jika saya menjualnya pada harga baharu, tidak adil buat kami.

"Jadi saya minta diberi masa supaya dapat dihabiskan semua stok sedia ada ini pada harga lama dan meneruskan jualan pada harga baharu sebaik tiba stok baharu nanti," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 4

# Denda RM500,000 syarikat manipulasi harga

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengeluarkan sebanyak 209 Notis Bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) kepada peniaga melalui Op Kesan 2.0 sejak 20 Mei hingga semalam.

Ketua Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam berkata, notis dikeluarkan susulan pemeriksaan dilakukan pihaknya melibatkan 993 premis di seluruh negara.

"KPDN ingin memberikan amaran bahawa mana-mana pihak yang didapati mengambil kesempatan dengan melakukan manipulasi harga dan caj perkhidmatan akan dikenakan tindakan tegas terutamanya di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

"Tindakan boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat, manakala sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Azman turut memaklumkan, pihaknya mengeluarkan Notis Bertulis terhadap sebuah syarikat dan melakukan sitaan berkait penjualan gas petroleum cecair (LPG) melebihi harga kawalan ditetapkan di Bandar Bukit Puchong, Puchong, Selangor.

Katanya, peniaga terbabit diminta mengemukakan maklum balas berhubung harga jualan dan kos LPG yang dijual dalam tempoh lima hari bekerja kepada pihak KPDN susulan tindakan peniaga terbabit.

"Berdasarkan maklumat awal yang diperoleh, sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya melakukan siasatan, bermula kira-kira pukul 4 petang pada 15 Jun lalu.

"Pasukan serbuan bertindak melakukan uji beli ke atas LPG yang dijual oleh syarikat terbabit bagi mengenal pasti harga jualan sebenar LPG itu.

"Hasil daripada uji beli yang dilakukan mendapati, LPG berkapasiti 14 kilogram (kg) dijual pada harga jualan RM34 per tong berbanding harga kawalan ditetapkan kerajaan iaitu RM26.60 per tong bagi LPG berkapasiti 14 kg," ujarnya.

Jelasnya, beberapa dokumen perniagaan lain turut diambil bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 19

# Tiada pusingan U bagi subsidi bahan api

**SAUDARA PENGARANG,**

**DASAR** rasionalisasi subsidi bahan api mestilah terus dilaksanakan tanpa perlu ada pusingan U kerana tekanan daripada pihak berkepentingan dan kumpulan politik. Pemimpin kerajaan mestilah bertindak tegas apabila melaksanakan dasar yang dianggap tidak popular tetapi dalam jangka panjang akan menjadikan ekonomi kita lebih berdaya tahan untuk memberikan manfaat kepada rakyat dan negara.

Bermula dengan subsidi bersasar bagi bahan api diesel adalah satu langkah yang tepat. Subsidi mestilah bagi mereka yang memerlukan dan bukan bagi semua orang tanpa mengira status ekonomi mereka. Penerima subsidi mestilah diperkasakan supaya selepas satu tempoh mereka boleh berdikari dan tidak lagi bergantung kepada pemberian.

Pelaksanaan dasar itu perlu dipantau rapi bagi memastikan tiada ketirisan dan penyelewengan. Subsidi itu mestilah diberikan kepada individu, kumpulan serta perniagaan yang disasarkan dan tidak dirampas oleh perasuah. Sebarang kelemahan dalam pelaksanaan hendaklah diatasi dengan segera dan diperbetulkan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu memantau harga barangan dan perkhidmatan yang dijual kepada orang ramai bagi mengelak pencatutan oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan daripada pemansuhan subsidi bahan api diesel.

Menurut pakar ekonomi, ia hanya akan memberi kesan minimum kepada kos menjalankan perniagaan. Oleh sebab itu, tiada kewajaran untuk menaikkan harga. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap pencatut, termasuk mendakwa mereka di mahkamah dan membatalkan lesen mereka.

Langkah seterusnya adalah rasionalisasi subsidi petrol RON 95 yang akan menghasilkan penjimatan yang lebih besar kepada kerajaan.

Kumpulan rentan yang terjejas oleh dasar rasionalisasi bahan api ini boleh diberi bantuan kewangan bagi menampung kos yang meningkat. Dalam Belanjawan 2024, subsidi bahan api termasuk diesel berjumlah RM60 bilion setahun, iaitu 1.5 kali ganda jumlah yang diperuntukkan bagi penjagaan kesihatan, iaitu sekitar RM40 bilion. Sebuah hospital moden dengan 1,000 katil berharga antara RM1.3 hingga RM1.4 bilion. Bayangkan apa yang boleh kita lakukan dengan penjimatan daripada pemansuhan subsidi ini, iaitu lebih banyak hospital yang lengkap dengan alat-alat moden dan penjagaan kesihatan yang jauh lebih baik.

Harga petrol bersubsidi Malaysia (RON 95) paling murah dalam kalangan sembilan negara anggota ASEAN. Harga petrol di Malaysia adalah 47.44 peratus lebih rendah berbanding Indonesia (RM3.90) dan 54.24 peratus lebih rendah daripada Vietnam (RM4.48). Subsidi menyeluruh tidak mampan kerana ia memberi tekanan kepada tabung negara.

Pada 2020, kerajaan membelanjakan RM4.66 bilion untuk jumlah subsidi. Pada 2021, RM13.13 bilion dan pada 2022, hampir RM80 bilion dibelanjakan sekali gus digambarkan sebagai tertinggi dalam sejarah.

Dengan penjimatan subsidi bahan api, kerajaan perlu menambah baik pengangkutan awam yang secara amnya kurang di negara ini, memastikan perkhidmatan yang kerap serta sistem bas pengantara yang cekap untuk kemudahan yang lebih baik kepada penumpang. Ini akan mengurangkan bilangan kereta persendirian di jalan raya yang membawa kepada penjimatan tenaga dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**
*Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)*



**TIADA** kewajaran untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan ekoran subsidi diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 28

# Tambang bas sekolah naik, batal lesen

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran kepada mana-mana pengusaha bas sekolah yang cuba menaikkan tambang pengangkutan itu biar pun menerima subsidi diesel dalam Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Perdana Menteri menegaskan, jika berbuat demikian, kerajaan tidak teragak-agak untuk menarik lesen dan membatalkan syarikat pengusaha bas sekolah yang terlibat.

Beliau berkata, amaran sama turut diberikan kepada mana-mana pengangkutan awam dan barangan lain yang menerima manfaat subsidi diesel mengikut SKDS yang diluluskan kerajaan.

"Kamu (pengusaha) diberi subsidi minyak dan kamu naik (tambang), kamu jaga. Kalau kamu naik (tambang) juga kamu dapat subsidi, kami tarik lesen kamu, batalkan syarikat kamu. Kalau tak anak kita di sekolah terbeban," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 30

# Guna tangki tambahan, isi minyak berulang modus operandi seludup diesel

**KANGAR:** Menggunakan tangki tambahan pada kenderaan pendaftaran Malaysia serta pengisian berulang di stesen minyak antara modus operandi penyeludup diesel di negeri ini.

Selain itu, terdapat juga rakyat tempatan yang bersekongkol dengan penyeludup dengan membekalkan diesel yang dikutip di stesen-stesen minyak, kemudian diletak atau disimpan di stor simpanan sebagai tempat transit bahan api itu sebelum diseludup ke negara jiran.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, Norazah Jaapar berkata, modus operandi setiap tempat adalah berbeza dan jika berdasarkan kes di Perlis, ia membabitkan kaedah menggunakan tangki tambahan serta pengisian berulang di stesen minyak.

Menurut beliau, mengikut data atau statistik rampasan diesel dari 2020 hingga 2023 di negeri ini merekodkan sebanyak 105,178 liter dengan nilai RM226,562.70.

Katanya, kes rampasan melibatkan petrol dari 2020 hingga 2023 pula sebanyak 33,354 liter dengan nilai RM68,374.30.

Bagaimanapun ujarnya, pada masa ini, data masih belum mencukupi untuk pihaknya melihat trend penyeludupan diesel tersebut sejak pelarasan subsidi bahan api itu bermula minggu lalu.

"Berdasarkan tindakan kes yang telah diambil kebanyakan yang terlibat adalah warga Thailand namun terdapat rakyat kita yang berkerjasama dengan sindiket untuk dihantar bahan api berkenaan ke negara jiran," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Harga diesel di semua stesen runcit petrol di seluruh Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter bermula minggu lalu.

Kenaikan sebanyak RM1.20 seliter itu, bagaimanapun boleh berubah setiap minggu mengikut harga semasa.

Pelarasan subsidi diesel ini dilaksanakan serentak dengan bantuan bersasar untuk sektor logistik di bawah sistem kawalan diesel bersubsidi (SKDS).

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, larangan pembelian berulang untuk pengisian RON95 di semua stesen minyak di Kelantan bagi mengelak bahan api itu diseleweng ke negara jiran akan diperluas ke negeri-negeri lain.



NORAZAH Jaapar (tiga dari kiri) memeriksa sebuah kenderaan yang melalui kawasan Kompleks Imigresen, Kastam, Keselamatan dan Kuarantin (ICQS) Padang Besar, Perlis, baru-baru ini. - UTUSAN/ ASYRAF MUHAMMAD

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pemikiran Baharu
Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 35

# Harga telur turun, kurangkan kos operasi peniaga kecil

**KUALA TERENGGANU:** Peniaga dan pengguna di Terengganu menyambut baik penurunan harga runcit telur bagi gred A, B dan C sebanyak tiga sen sebiji berkuat kuasa kelmarin.

Peniaga roti canai, Siti Aisyah Yusof, 36, berkata, dia membeli lima atau enam papan telur sehari dan dapat mengurangkan kos operasi sekurang-kurangnya RM10 dengan harga baharu itu.

Menurutnya, pengumuman harga baharu telur bagi gred A, B dan C melegakan peniaga kecil sepertinya ketika harga bahan mentah lain seperti bawang, tepung dan minyak masak semakin mahal.

"Sebelum ini saya agak terbeban dengan harga telur yang tidak menentu dan memerlukan modal antara RM60 sehingga lebih RM70 sehari ketika telur berharga RM14 atau RM15 sepapan.

"Selepas penurunan harga ini, saya jangka mungkin hanya memerlukan RM50 sehingga RM60 sehari untuk telur dan berharap harga bahan mentah lain juga boleh diturunkan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Suri rumah, Masirah Abd. Aziz, 52, pula berkata, harga baharu telur dianggap munasabah sambil berharap tidak berlaku pencatutan harga atau bekalan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, telur merupakan bahan utama harian digunakan bagi setiap isi rumah dan dia tidak lagi terbeban dengan harga baharu barang keperluan asas itu meskipun hanya diturunkan tiga sen sebiji.

"Saya rasa lega sangat kerana sebelum ini berfikir dulu sebelum beli (telur) dan terpaksa buat perbandingan dari satu kedai ke satu kedai untuk mencari harga paling rendah," ujarnya.

Sementara itu, tinjauan di beberapa kedai runcit dan kedai borong di daerah ini bagaimanapun mendapati peniaga masih menjual harga telur mengikut harga lama sebelum ketibaan bekalan baharu.

Seorang pemborong dikenali sebagai Nur, 34, berkata, harga baharu bagi telur gred A ialah RM12.60 sepapan, RM12 (gred B) dan RM11.40 (gred C) yang dijangka mula dijual dalam masa terdekat.

"Buat masa ini, saya perlu menghabiskan stok lama pada harga asal iaitu RM13.50 sepapan bagi telur gred A, RM12.90 bagi gred B dan RM12.30 bagi gred C," ujarnya.



**SITI Aisyah Yusof membeli telur di sebuah kedai runcit di Kampung Bukit Besar, Kuala Terengganu, semalam. – UTUSAN/ TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF**

Pemikiran Baharu
Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 33

# Penduduk Tumpat merungut minyak masak peket dijual 'bersyarat'

**TUMPAT:** Mahu beli minyak peket bersubsidi boleh tetapi kena beli gula pasir putih premium. Itu antara syarat beberapa kedai runcit kepada pelanggan yang ingin membeli minyak masak peket bersubsidi sekilogram dengan harga RM2.50.

Tinjauan mendapati syarat itu membebankan kerana penduduk sekitar daerah ini ramai yang bekerja sendiri dan harga gula pasir premium lebih RM4 sekilogram.

Peniaga kedai runcit juga merungut dengan alasan bekalan dihantar didakwa tidak banyak.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Fatimah berkata, helah minyak masak peket bersubsidi bukan baru tetapi sudah berbulan menjadi amalan peniaga runcit di kampungnya.

"Mana saya boleh tahan minta beli minyak masak peket disuruh kami beli juga gula pasir premium," keluhnya.

Disebabkan syarat tidak masuk akal itu, dia tidak lagi mengharapkan untuk membeli minyak masak peket sebaliknya terus ke pasar raya untuk membeli minyak botol.

Seorang lagi penduduk, Aini berkata, dia tidak mempunyai pilihan dan terpaksa akur dengan syarat yang dikenakan oleh peniaga dengan masih membeli minyak masak peket.

"Saya akui syarat itu agak membebankan, namun hanya itu pilihan yang ada.

"Biasa saya akan akan beli dalam kuantiti antara lima hingga 10 peket setiap bulan. Saya berbuat demikian kerana tidak mahu berulang ke kedai runcit untuk pembelian," katanya.

Justeru, Aini berharap pihak berkenaan turun padang untuk membuat pemeriksaan di kedai-kedai runcit khususnya di kawasan kampung bagi memastikan bekalan mencukupi.

Katanya, pada masa sama golongan peniaga turut diingatkan tidak mengambil kesempatan dengan menjual minyak masak secara bersyarat.

"Minyak masak peket merupakan salah satu keperluan terutama golongan berpendapatan rendah seperti kami," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, Yah, 58, berkata, aktiviti penyeludupan turut menyebabkan bekalan minyak masak kurang di pasaran.

"Saya harap kerajaan kenakan hukuman yang lebih berat kepada individu terlibat," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI
HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 15

Peruncit, pemborong masih jual telur ayam pada harga lama

# 'Beri kami masa habiskan stok lama'

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB, TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF dan MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

**KUALA TERENGGANU** – Walaupun kerajaan sudah mengumumkan penurunan harga telur ayam gred A, B dan C sebanyak tiga sen sebiji berkuat kuasa kelmarin, rata-rata kedai runcit dan pemborong di bandar raya ini masih mengekalkan harga lama.

Tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati, rata-rata pengusaha kedai runcit dan pemborong terbabit memberi alasan mahu menghabiskan stok lama terlebih dahulu sebelum mematuhi harga baharu telur ayam terbabit.

Salah seorang pemborong yang mahu dikenali sebagai Nur mendakwa, bekalan telur ayam dengan harga baharu hanya akan tiba di premis pemborongnya pada hari ini.

"Buat masa ini saya perlu menghabiskan stok lama pada harga asal iaitu RM13.50 sepapan bagi telur gred A, RM12.90 bagi gred B dan RM12.30 bagi gred C.

"Harga baharu bagi telur gred A ialah RM12.60 sepapan, RM12 (gred B) dan RM11.40 (gred C) akan mula dijual apabila bekalan dijangka sampai esok (hari ini)," dakwanya ketika ditemui di premisnya di Kampung Bukit Besar, di sini semalam.

*Kosmo!* melaporkan, kerajaan mengumumkan harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C diturunkan 3 sen sebiji berkuat kuasa kelmarin sebagai usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Sementara itu, rata-rata pengguna khususnya peniaga menunggu harga baharu telur ayam terbabit dengan penuh sabar.



KERAJAAN mengumumkan telur gred A, B dan C turun sebanyak tiga sen dengan masing-masing berharga 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa lenin lalu.

Seorang peniaga roti canai, Siti Aisyah Yusof, 38, berkata, penurunan harga telur ayam itu membolehkannya memperoleh penjimatan kos bahan mentah sehingga RM10.

"Biasanya saya memerlukan sekurang-kurangnya lima papan telur ayam sehari dengan kos kira-kira RM50 untuk berniaga roti canai.

"Penurunan tiga sen tersebut membolehkan saya berjimat RM10 sehari bagi pembelian telur ayam dalam kuantiti sama," katanya.

Ujar Siti Aisyah, penurunan harga telur ayam tersebut sedikit sebanyak melegakannya sewaktu harga bahan mentah lain seperti bawang merah, tepung dan minyak masak agak mahal.

Dia juga berharap golongan peniaga dan pemborong bertimbang rasa mematuhi harga baharu telur ayam ditetapkan kerajaan tanpa sebarang alasan atau melakukan aktiviti pencatutan.



SEORANG pengguna melihat telur ayam gred C yang masih dijual pada harga lama iaitu RM12.30 sepapan di sebuah premis pemborong di Kampung Bukit Besar, Kuala Terengganu semalam.

Di **Shah Alam**, seorang peniaga, Faimz Kunhabasma, 42, berkata, orang ramai tidak boleh menyalahkan peniaga kerana stok telur baharu bagi pelaksanaan tersebut belum diperoleh.

Kata beliau, premisnya sendiri hanya menerima bekalan telur bagi setiap hari Sabtu untuk dua minggu sekali.

"Ini adalah stok lama dan kami pun masih tunggu stok baharu. Kami peniaga tiada masalah untuk menjualnya pada harga ditetapkan, namun beri kami masa untuk jual stok lama dahulu.

"Ada juga tanya, namun saya memaklumkan agar tidak menyalahkan kami sebaliknya tanya kepada pembekal," katanya.

Seorang pekerja swasta, Lina Aman, 32, berkata, pemantauan dari sudut pembekalan telur lebih efektif perlu dilakukan agar seiring dengan pengumuman bagi masyarakat merasai nikmat penurunan harga.

"Kalau tanya peniaga, mereka cakap pembekal tetapi kita sebagai pembeli hendak 'tolak' masalah ini kepada siapa pula.

"Lagipun, telur ini antara sumber protein utama yang digunakan setiap keluarga atau masyarakat dalam sebarang hidangan. Jadi, harap ada tindakan sewajarnya," katanya.

Pandangan senada turut diberikan seorang lagi pekerja swasta, Fatin Izzati Sanahaji, 20, yang menjelaskan penurunan harga sekali pun 3 sen bagi setiap telur ayam gred A, B dan C memberikan perbezaan ketara pada harga telur.

Ujarnya, ia adalah inisiatif yang bagus terutama bagi golongan B40 yang lebih terkesan dengan peningkatan kos sara hidup ketika ini.

Di **Ipoh**, seorang peniaga kedai runcit, Abdul Halim Ali, 56, berkata, dia membeli bekalan telur ayam itu dengan harga lama daripada pemborong.

"Saya mengalami kerugian sekiranya dijual dengan harga baru jadi tunggu sahajalah stok baru sampai, baru saya turunkan harga.

"Lagipun, stok telur ayam saya pun hampir kehabisan kerana ramai yang membelinya sempena Aidiladha," katanya.

Dalam pada itu, seorang peniaga, Liew Teck Lai, 45, turut bersetuju mengambil langkah untuk menghabiskan stok telur lama terlebih dahulu sebelum mengikut penurunan harga yang ditetapkan kerajaan.

"Kita tunggu stok baru dan tengok jika memang ada turun harga. Telur ayam memang ramai orang yang beli sebab harga barang lain mahal," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 19/6/2024

M/SURAT: 16

# Pulang hasil penjimatan




KERAJAAN memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat. Kini, harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa 17 Jun lalu. Penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen bagi sebiji telur ayam ini melibatkan perbelanjaan RM100 juta manakala pada tahun 2023 peruntukan subsidi telur ayam adalah sebanyak RM927 juta.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 10

# Industri jamin bekalan telur mencukupi

## Pengeluaran telur ayam di dalam negara capai tahap sara diri (SSL) 100 peratus

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA



Kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji. *Gambar hiasan.*



FUZIAH

Kerajaan telah mendapat jaminan bekalan telur ayam mencukupi daripada pihak industri sebelum mengumumkan penurunan harga 3 sen bagi gred A, B, dan C.

Jelas Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh, pengeluaran telur setakat ini adalah seperti sediakala.

"Sebelum pengumuman dibuat, kita telah melakukan libat urus dengan pemain industri dan menerima jaminan bahawa pengeluaran telur mencukupi di seluruh negara.

"Itu janji industri kepada kerajaan," katanya pada Selasa.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai saranan Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin bahawa kerajaan sepatutnya meningkatkan bekalan telur ayam bersubsidi di pasaran dan bukannya menurunkan harga runcit bahan makanan itu.

Dalam pada itu, Fuziah berkata, pengeluaran telur ayam di dalam negara sebenarnya telah mencapai tahap sara diri (SSL) 100 peratus.

"60 peratus pengeluaran ialah telur Gred A, B, C selainnya ialah telur seperti Omega," ujarnya.

Media melaporkan kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kini, harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa Isnin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Jualan telur harga baharu seperti biasa sahaja

**IPOH** - Peniaga menyarankan kerajaan untuk memantau bekalan telur ayam agar selari dengan penurunan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara.

Peniaga, Kok Siew Yan, 70, berkata, bekalan yang disediakan pembekal hanya sekadar cukup untuk memenuhi keperluan pelanggan.

"Sudah masuk hari kedua penjualan telur pada harga baharu, jualan kami seperti biasa hanya melibatkan pelanggan tetap terutama peniaga dan pengunjung Pasar Besar Ipoh.

"Tetapi untuk tambah telur agak susah. Saya tempah 3,000 biji setiap hari untuk pelbagai gred tetapi pembekal hanya berikan 1,500 biji.

"Tiada penambahan diberikan jadi jualan kami hanya cukup-cukup dengan sedikit keuntungan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Pasar Besar Ipoh, di sini pada Selasa.

Bagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Sarah, kerajaan seharusnya memberi suatu tempoh kepada peniaga terlebih dahulu sebelum melaksanakan harga baharu.

"Dengan pengumuman itu, kami tidak sempat menjual telur yang dibeli pada Ahad dan mengalami kerugian apabila tidak dapat menjual pada harga lama.

"Tambahan harga bagi telur gred D kini sudah sama dengan gred C, 900 biji telur gred D di kedai biasa dapat dijual dalam tempoh sehari kini sudah tidak boleh dijual melainkan turun harga," jelasnya.

Berkaitan dengan stok telur, ujarnya, bekalan yang diterima daripada pembekal sekadar mencukupi sahaja.

Peniaga, Abdul Hadi Abdul Rahman, 24, berkata, penurunan harga runcit telur ayam tidak menjadikan jualannya 'laku keras'.

"Tiada pembelian luar biasa hari ini (Selasa), lagi pun pemberian subsidi pernah dilaksanakan sebelum ini.

"Kami hanya tempah 20 papan telur ayam pelbagai gred setiap hari bagi jualan telur segar," jelasnya.




**Abdul Hadi menunjukkan jualan telur ayam dengan harga baharu di Pasar Besar Ipoh.**

NEW STRAITS TIMES
HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 5

RETAIL OUTLETS

# Slight drop in egg supply amid Aidiladha celebration

**KUALA LUMPUR:** Checks at various retail outlets showed a slight shortage of eggs in the market following the prime minister's announcement that the prices of Grade A, B and C eggs would be reduced by three sen.

Contrary to some fears, however, this was not believed to be due to any hoarding by suppliers because of the drop in price, but likely because of the Hari Raya Aidiladha celebrations.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh has also given her assurances that the supply of eggs in the market was adequate.

"We engaged industry players even before the prime minister's announcement (on the reduction of egg prices).

"We received assurances of sufficient egg production nationwide," she told the *New Straits Times*.

Some, including Ayer Itam member of parliament, have voiced concerns that the reduction in egg prices could lead to a shortage of eggs in the market.

Fuziah said the ministry would investigate shortages and whether they were linked to the long weekend following the Hari Raya Aidiladha celebrations.

A spokesman of one local hypermarket chain said they ran out of eggs but would receive a shipment soon.

"Usually we won't receive eggs on public holidays because our suppliers are also off," said the spokesman, adding that Grade A eggs were more difficult to procure.

Federation of Livestock Farmers Association Malaysia adviser Datuk Jeffrey Ng said the egg shortage following a public holiday was expected.

"It's normal after a long holiday because most wholesalers stopped picking up eggs from farms or delivering to retailers from Saturday.

"Most farmers have accumulated eggs to distribute after two days without pickups."

Ng said he believed retailers would receive the eggs they ordered by yesterday.

On Monday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced the three sen reduction in egg prices.

The government, he had said, had decided to subsidise 10 sen per egg, a move which was expected to cost RM100 million.

Last year, the government spent nearly RM1 billion on egg subsidies.

With the latest price revision Grade A, B and C eggs are priced at 42 sen, 40 sen, and 38 sen respectively. **Reporting by Najihah Borhan and Fatin Nurul Najihah**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 2

# 'Eggs-cellent', say consumers on price reduction

**KUALA LUMPUR:** The three-sen drop in the retail price of grade A, B and C chicken eggs that was announced on Monday may seem paltry but it sent ripples of relief to small traders and was welcomed by consumers across the country.

Most food traders said the price reduction would cut business costs, given that eggs are widely used in various cuisines, especially in making cakes and pastries.

Bumiputera Small Traders Association of Pasar Siti Khadijah chairman Ahmad Nazri Che Omar said the initiative gave Kelantan traders, especially food sellers, an opportunity to make a little "eggs-tra" profit.

"The drop in price allows traders to make more profit and offset the increasing price of other raw materials used for business."

Biscuit and cake dealer Nur Anisa Hanis Ramli, 42, from Negeri Sembilan said although some see the price drop as meagre, the effect was felt by those who took large orders for products using eggs as the main ingredient.

"For example, in my job running a confectionery, I need more than 60 eggs every two weeks. So, this price reduction really helps reduce my costs."

In Selangor, cake and pastry maker Intan Baizura Zainal, 39, said the price cut could reduce the financial pressure on bakery operators.

"The decision to lower the price of eggs is timely because even if we want to make a profit, we still need to offer reasonable prices to customers. This may be the beginning of government efforts to lower the prices of other essential goods, in line with the move to return savings from targeted subsidies to the people in stages."

A canteen operator in Terengganu, Ahmad Khairi Samad, 52, said the drop in egg prices would reduce his operating costs, as he requires about 100 grade B eggs a day.

Consumers Association of Penang president Mohideen Abdul Kader said the price cut for eggs would help low-income groups.

"This measure will also help traders and food sellers because they can lower costs and we hope that traders who use a lot of eggs will not raise the prices of their food after this."

A member of the Perak State Consumer Movement Khairul Anwar El Syazalli Musa said the move would certainly benefit consumers.

Single mother Mariam Abdul Ghani, 48, from Pahang said lower egg prices help the less privileged because eggs are a cheaper source of protein.

Rizalina Mad Saad, 46, from Arau said the government is sensitive to people's needs, especially those in the B40 group since eggs are usually a basic necessity in the kitchen of every home.

On Monday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the retail price of chicken eggs would be reduced by 3 sen per egg, bringing the price down to 42 sen, 40 sen and 38 sen for grade A, B and C, respectively. – Bernama



The reduction in prices of chicken eggs has brought cheer to traders as well as household consumers in the country. – *ADIB RAWI YAHYA/THESUN*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

The Star
HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 12

# Drop in egg prices a relief for Sabahans and Sarawakians

KUALA LUMPUR: The three-sen drop in retail prices of grade A, B and C eggs has been welcomed by the people of Sabah and Sarawak.

Sabah National Consumer Foundation chairman David Chan said that people, particularly those in the B40 group, still rely on eggs and chicken as daily food sources, and it would burden them if the prices were free floated on the market.

Furthermore, chicken and egg traders would struggle to operate unless they were to raise their selling prices, which would, in turn, affect their sales, he said.

"We are concerned that if prices are not controlled, many parties will be affected, given that many are still facing various issues related to rising prices of goods and cost of living.

"This (reduction in retail egg prices) can help the people to some extent in their daily lives," he said.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced on Monday that the new retail prices for Grade A, B and C eggs are 42 sen, 40 sen and 38 sen each respectively with immediate effect.

In Sarawak, Consumers' Voice Association president Michael Tiong said the three-sen reduction in egg prices is proof that the government is aware of people's basic needs and its willingness to ease their burden.

He said it has a positive impact on consumption, which in turn can help stabilise the prices of other basic necessities by putting pressure on traders not to raise prices arbitrarily.

"If traders continue to raise prices, the government must take firm action to ensure that the announced price reduction truly benefits the people," he told Bernama.

Housewife Zihani Ismawi, 35, who is a frozen curry puff entrepreneur, said that it can help reduce the daily cost of living and increase purchasing power, especially for those who rely on eggs as a protein source.

Baker Winnie Elyse, 49, said the reduction in the prices of eggs, a key ingredient in cake making, provided relief for her, as any increase would have a significant impact on her business' production costs.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 4

# Public can help us keep profiteers at bay, says ministry

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my



**Cost control:** Lilis Saslinda checking the prices of chicken at a supermarket in Tampoi, Johor Baru.

JOHOR BARU: The public must play an active role in ensuring that errant traders do not use the rationalisation of the diesel subsidy as an excuse to hike prices, says the Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

Its director Lilis Saslinda Pornomo said since the new scheme was implemented on June 10, the Johor branch has only received three complaints through its official portal.

"We hope the public can play a more proactive role and not hesitate to file official complaints with us if they come across any unreasonable rise in price," she said when contacted.

Lilis Saslinda said the public can lodge complaints through the ministry's hotline at 1-800 886 800, WhatsApp at 019-279 4317, email e-aduan@kpdn.gov.my or its portal at https://eaduan.kpdn.gov.my/

The Johor branch of the ministry, she said, has beefed up enforcement and conducted over 30 inspections statewide since the new ruling came into effect.

"We have also issued notices to several businesses since June 10. This allows us to gain further information on how these businesses come up with the prices they set.

"If we detect any profiteering, then further action will be taken under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011," she added.

As of yesterday, the Johor branch of the ministry has only issued notices to companies in the transportation sector and tow trucks, Lilis Saslinda said.

"We will continue to monitor the situation closely," she added.

On Sunday, Lilis Saslinda said Johor had issued 22 written notices to transportation companies following the rationalisation of the diesel subsidy.

She said that 20 of the notices were issued to various companies involved in transportation and two to towing companies.

Under Section 21 of the Act, any company found to be manipulating prices will be subject to strict action and may be fined up to RM500,000 for companies and up to RM100,000 for individuals, or imprisonment not exceeding three years, or both.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU

TARIKH: 19/6/2024

M/SURAT: 7

# Kerajaan nafi benar aktiviti kartel sebelum Akta 712

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menafikan kerajaan membenarkan aktiviti kartel dalam industri sebelum ini.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, apabila menggunakan perkataan 'dahulu' bermaksud semasa Akta Persaingan 2010 (Akta 712) belum ada.

"Tanpa Akta 712, tiada larangan terhadap perusahaan-perusahaan membentuk kartel harga. Pada masa sama, apabila mereka menyampaikan isu dan cabaran melalui persatuan mereka kepada kerajaan.

"Kerajaan pada masa tersebut selalu menasihatkan agar mereka berbincang antara satu sama lain untuk bersatu menetapkan harga atau syarat perdagangan dengan harapan mereka dapat mengatasi isu serta cabaran berkaitan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.




Kelmarin, *Mingguan Malaysia* melaporkan, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail berkata, kartel berpunca apabila sekurang-kurangnya dua perusahaan berkomplot, menaikkan harga pada tahap yang sama atau menetapkan hal ehwal perdagangan seperti mengurangkan pengeluaran, membahagikan pasaran dan lain-lain.

"Suka atau pun tidak, dahulu, kerajaan secara tidak langsung yang menggalakkan kartel. Kerajaan kata, anda (perusahaan) bekerjasama dan tentukan harga. Anda naikkan harga pada tahap yang sama supaya semua tidak akan rugi.

"Tetapi, ini dahululah, bukan sekarang. Sekarang mungkin ada, tetapi jarang. Sejak MyCC memberi advokasi dan menjalankan penguatkuasaan, mereka semua (pengusaha syarikat) melihat dan mendengar," katanya.

Fuziah berkata, aktiviti kartel yang berlaku sebelum Akta 712 dikuatkuasakan tidak boleh diambil tindakan.

"Bagaimanapun, selepas Akta 712 dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012, KPDN melalui MyCC telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap lebih 250 syarikat dan mengenakan penalti kewangan lebih dari RM500 juta kerana aktiviti kartel.

"Terdapat dua seksyen dalam akta yang berkaitan kartel iaitu Seksyen 4 berhubung larangan membentuk kartel dan Seksyen 40 iaitu mana-mana perusahaan yang didapati bersalah melanggar Seksyen 4, mereka dikenakan penalti kewangan sebanyak 10 peratus dari modal pusing ganti," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 4

Penyasaran subsidi diesel

# Kerajaan sedia perbaiki kelemahan

## PM bersikap terbuka terima sebarang cadangan penambahbaikan bagi baiki kekurangan

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my



*Anwar bersama penduduk bergotong-royong memasak gulai ketika hadir Korban Perdana bersama Perdana Menteri di Masjid Jamek Cerok Tokun, semalam.*
(Foto Dziyal Saad/BH)

**Bukit Mertajam:** Kerajaan sedia memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti dalam pelaksanaan penyasaran subsidi diesel yang dilaksanakan buat julung kali di Malaysia.

Mengakui bersikap terbuka menerima sebarang cadangan untuk menambahbaik langkah merasionalisasi subsidi, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata apa yang dilakukan ketika ini adalah percubaan awal dan semestinya berdepan beberapa kekurangan.

"Saya ambil sikap terbuka, kalau ada beberapa kelemahan, maklum, kita betulkan. Ini percubaan awal yang tentunya menghadapi sedikit sebanyak masalah, saya tidak nafikan tetapi cerca seolah-olah kerajaan zalim, itu tidak boleh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Korban Perdana, di Masjid Jamek Cherok Tokun, di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan dan pemimpin-pemimpin sebelum ini juga bersetuju dengan penyasaran subsidi diesel kerana ia merupakan langkah yang betul bagi mengelakkan pembaziran subsidi, sekali gus memulangkan penjimatan kepada rakyat.

Katanya, langkah itu penting bagi mengelak ketirisan dana negara walaupun menyedari banyak pihak tidak dapat menerima kenaikan bahan api.

"Kita baca liputan media ramai tidak dapat menerima kenaikan harga diesel, maka kita nampak perlanggaran dari segi peraturan diesel.

"Subsidi ini untuk orang miskin, petani, nelayan dan pekebun kecil atau pihak pengendali bas sekolah dan pengangkutan awam tetapi terlalu nyata orang yang mencerca kita," katanya.

Terdahulu ketika berucap, Anwar berkata, penyasaran subsidi dilakukan kerana ia dinikmati 3.8 juta warga asing sedangkan yang membayar cukai adalah rakyat.

"Subsidi kita bayar, cukai rakyat Malaysia bayar tetapi subsidi diesel warga asing dapat. Perniagaan haram guna diesel kita.

"Dua hari lalu, semua bas pelancongan dan syarikat pelancongan dari Singapura nak naik harga (tambang) sebab tak dapat subsidi.

"Maknanya, selama ini berpuluh tahun subsidi kita pergi ke syarikat Singapura dan ada yang pergi ke kapal nelayan Thailand, diesel dicari di sana sini, bocor banyak.

"Bagi penanaman padi, traktor kita akan bagi (subsidi) tetapi kita tidak boleh bagi dekat orang kaya," katanya.

### Penurunan harga telur

Menyentuh penurunan harga runcit telur ayam, Anwar berkata, ia langkah awal bagi mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat kerana ia merupakan makanan yang paling banyak digunakan oleh rakyat di peringkat bawah.

"Kita buat kajian (didapati) keluarga paling banyak gunakan ialah telur, keluarga sederhana, miskin ambil telur empat biji sehari.

"Oleh itu, kita bincang dengan syarikat dan tanya untung serta turunkan sedikit harga telur tetapi tak rugi (bagi syarikat) dan kalau ada cara-cara yang lain, saya boleh ikhtiarkan," katanya.

Kelmarin, Anwar mengumumkan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 4

# Penguatkuasaan lemah punca bas persiaran Singapura naikkan tambang

**Johor Bahru:** Penguatkuasaan yang lemah dan tindakan segelintir pemilik stesen minyak dipercayai bersubahat dengan sindiket penyelewengan diesel bersubsidi, didakwa menjadi penyebab syarikat pengendali bas pelancongan atau persiaran di Singapura tiba-tiba menaikkan kadar tambang sehingga 20 peratus.

Pengerusi Sekretariat Gabungan Bas Malaysia, R Thiagarajan, berkata isu rasionalisasi subsidi diesel negara tidak berkaitan langsung dengan syarikat bas pelancongan atau persiaran di Singapura.

Katanya, ia berkaitan bas persiaran Singapura menggunakan diesel tanpa subsidi terutama Euro 5, jika memasuki negara ini.

Namun beliau mengakui, sememangnya terdapat syarikat pengangkutan Singapura yang menggunakan bas persiaran dengan pendaftaran dan permit Malaysia, selain bas persiaran dengan pendaftaran dan permit Singapura, yang beroperasi secara rentas sempadan di kedua-dua negara.

"Jadi kurang munasabah dan mana mungkin jika syarikat bas pelancongan dan persiaran Singapura tiba-tiba mengumumkan harga perkhidmatan mereka perlu dinaikkan sehingga 20 peratus.

"Ia kerana syarikat bas Singapura memang diketahui menggunakan diesel tanpa subsidi Euro 5 di negara kita kecualilah bas persiaran mereka yang berpendaftaran dan permit Malaysia.

"Melainkan sebelum ini mereka (syarikat bas pelancongan dan persiaran Singapura) menggunakan diesel bersubsidi kita secara haram dan sembunyi-sembunyi.

"Jika situasinya begitu, ia adalah kelemahan penguatkuasaan kita selain tindakan segelintir pemilik stesen minyak yang sebelum ini ada yang dilaporkan bersubahat dengan sindiket penyelewengan subsidi negara," katanya kepada *BH*.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kenaikan tambang oleh agensi pelancongan dan bas pelancongan Singapura mewajarkan inisiatif rasionalisasi subsidi diesel Malaysia.

Anwar dilaporkan berkata syarikat terbabit mengaitkan kenaikan harga dengan kekurangan subsidi diesel.

Subsidi diesel yang disasarkan bermula pada 10 Jun, dengan harga baharu ditetapkan pada RM3.35 seliter.

Sabtu lalu, sebuah portal berita Singapura melaporkan, pengendali pengangkutan pelancongan Singapura merancang menaikkan 20 peratus harga perkhidmatan terutama ke Malaysia.

Pengguna media sosial mendakwa laporan itu mendedahkan kebocoran mekanisme subsidi Malaysia, antara sebab mengapa rasionalisasi subsidi diesel diperkenalkan di negara ini.

Dalam pada itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo, menegaskan 187 anggota penguat kuasa sudah dikerahkan memantau semua stesen minyak di negeri ini terutama yang terletak berhampiran sempadan negeri, susulan rasionalisasi subsidi diesel sejak 10 Jun lalu.

"Kita juga minta orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan penyelewengan subsidi diesel membuat laporan kepada KPDN bagi tindakan susulan," katanya.

> Isu rasionalisasi subsidi diesel negara tidak berkaitan langsung dengan syarikat bas pelancongan atau persiaran di Singapura



*R Thiagarajan, Pengerusi Sekretariat Gabungan Bas Malaysia*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 3



ANWAR Ibrahim (tengah) melihat proses melapah daging korban ketika menghadiri Program Korban Perdana di Masjid Jamek Cherok Tok Kun Bawah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. – UTUSAN/IQBAL HAMDAN

# Bukti diesel subsidi bocor ke negara jiran – PM

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
utusannews@mediamulia.com.my

**BUKIT MERTAJAM:** Datuk Seri Anwar Ibrahim percaya langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel ketika ini adalah tepat.

Menurut Perdana Menteri, langkah tersebut penting dalam usaha Malaysia untuk menyelamatkan dana negara daripada bocor dan disalah guna oleh pihak tertentu sehingga keuntungan itu diperoleh oleh syarikat-syarikat besar dari negara jiran.

Jelas beliau, langkah yang sama juga penting bagi mengekang kecurian diesel terutamanya melibatkan nelayan asing serta syarikat-syarikat minyak yang beroperasi di sempadan negara.

"Dua hari sudah, semua bas pelancongan dan syarikat-syarikat pelancongan dari Singapura nak naik harga sebab mereka tak dapat subsidi (diesel).

"Maknanya apa? Selama berpuluh tahun (sebelum ini) subsidi kita pergi ke syarikat-syarikat di Singapura dan pergi ke kapal-kapal Siam (Thailand), dicuri di sana-sini, bocor pun banyak," kata beliau.

> "Maknanya apa? Selama berpuluh tahun (sebelum ini) subsidi kita pergi ke syarikat-syarikat di Singapura dan pergi ke kapal-kapal Siam (Thailand), dicuri di sana-sini, bocor pun banyak."
>
> ANWAR IBRAHIM

Anwar berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kewajaran penyasaran subsidi diesel di negara ini semasa menghadiri Program Korban Perdana di Masjid Jamek Cherok Tok Kun Bawah, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, memandangkan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel masih di peringkat, maka, sudah pasti terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi.

"Ya, kalau ada kelemahan, maklumkan dan kita akan betulkan. Saya masih ambil sikap kalau ada masalah, bagi tahu. Soalnya sekarang, adalah wajar (untuk) kita teruskan penyasaran subsidi diesel ini," ujarnya.

Media sebelum ini melaporkan, kerajaan terpaksa menetapkan harga diesel di Semenanjung pada kadar RM3.35 seliter selaras dengan perlaksanaan penyelarasan semula subsidi bahan api tersebut pada 10 Jun lalu.

Sementara itu, bercakap mengenai BRICS, Perdana Menteri memberitahu, Malaysia sedang memulakan prosedur rasmi untuk menyertai organisasi antara kerajaan iaitu BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan) tidak lama lagi.

Menurut beliau, pihaknya telah mengambil langkah ke arah dan kini menunggu maklum balas seterusnya.

"Kami telah mengambil keputusan yang sewajarnya. Kami akan melancarkan proses rasmi tidak lama lagi.

"Sekarang kami menunggu keputusan akhir, maklum balas daripada kerajaan Afrika Selatan," katanya.

Perdana Menteri sebelum ini bercakap mengenai BRICS dalam temu bual bersama Guancha, syarikat penerbitan berpangkalan di Shanghai, China selepas ditanya mengenai perkara itu oleh pengasas media itu, Eric Xun Li baru-baru ini.

BRICS ialah kumpulan ekonomi sedang pesat membangun membabitkan Brazil, Rusia, India, China, dan Afrika Selatan.

Anwar berkata, sebelum ini beliau telah mengadakan perbincangan mengenai pengembangan BRICS dengan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 9

# Subsidi bersasar kurangkan separuh aktiviti seludup diesel

Oleh FITRI NIZAM
fitrinizam@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pelaksanaan subsidi bersasar diesel pada kadar RM3.35 seliter bakal mengurangkan aktiviti penyeludupan bahan api itu ke negara jiran sekurang-kurangnya 50 peratus dengan penjimatan hampir RM1 bilion setahun.

Berdasarkan kajian Kesatuan Eropah (EU), ASEAN dan Malaysia, kerajaan dianggarkan menanggung kerugian antara RM1.5 bilion hingga RM2 bilion setahun akibat aktiviti penyeludupan diesel sebelum pelaksanaan penyasaran subsidi pada 10 Jun lalu.

Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, pelaksanaan subsidi bersasar pada kadar RM3.35 seliter dapat membantu mengurangkan isu penyeludupan yang menyumbang kepada ketirisan.

> **"Harus diingat bahawa harga diesel Malaysia masih lagi rendah jika dibandingkan dengan negara jiran terutama Thailand yang menjual bahan api itu sekitar RM4.80 seliter."**
>
> BASHIR AHMAD SHABIR AHMAD

Bagaimanapun, beliau berkata, ia tidak akan dapat menghapuskan aktiviti penyeludupan secara total kerana harga bahan api tersebut masih lebih murah berbanding Thailand.

"Harus diingat bahawa harga diesel Malaysia masih lagi rendah jika dibandingkan dengan negara jiran terutama Thailand yang menjual bahan api itu sekitar RM4.80 seliter.

"Namun aktiviti penyeludupan dijangka berkurangan kerana margin keuntungan yang diperoleh sebelum ini menjadi semakin kecil dan mungkin tidak lagi setimpal dengan risiko serta usaha dilakukan penyeludup bagi tujuan ini.

"Selain itu, pelaksanaan subsidi bersasar juga bertujuan mengawal dan mengurangkan aktiviti jenayah yang melibatkan penduduk tempatan dan penguat kuasa agensi tertentu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Mengulas lanjut, Bashir Ahmad berkata, secara keseluruhannya, kerajaan menjimatkan sebanyak RM4 bilion setahun dengan pelaksanaan subsidi bersasar tersebut.

"Bagaimanapun, impak dan hasil daripada pelaksanaan penyasaran subsidi diesel bagi tujuan mencegah aktiviti penyeludupan seperti diwar-warkan oleh kerajaan, ia terlalu awal untuk membuat sebarang kesimpulan atau spekulasi terhadap kesannya.

"Ini kerana penyasaran subsidi diesel negara yang dilakukan sangat baru, tidak sampai sebulan pelaksanaannya dan bagi tujuan ini sebarang impak dan hasil biasanya akan dapat dilihat sekurang-kurangnya dalam masa enam bulan pertama.

"Diesel adalah jenis barangan yang tidak anjal iaitu memberi kesan agak minimum terhadap permintaan jika harga dinaik atau diapungkan," katanya.

Mengulas berhubung isu penyeludupan diesel ke Thailand, Bashir Ahmad berkata, punca utama perkara itu berlaku adalah disebabkan negara tersebut terkenal dengan aktiviti pertanian, perhutanan, pemakanan dan industri berat yang menggunakan jentera berat.

Justeru, katanya, tidak hairan jika penggunaan diesel di negara tersebut amat tinggi sehingga membuka ruang kepada aktiviti penyeludupan.

"Industri tersebut menyumbang kepada 50 peratus pendapatan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) negara itu setiap tahun.

"Sektor-sektor ini mempunyai permintaan tinggi untuk penggunaan jentera berat serta kenderaan berenjin kapasiti diesel malah penduduk negara itu juga hampir dua kali ganda daripada Malaysia ini juga menyumbangkan kepada pemilikan kenderaan berdiesel di sana," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 10

# Peniaga sukar turunkan harga jualan

**PETALING JAYA:** Meskipun harga telur turun 3 sen sebiji, ia masih tidak membolehkan peniaga untuk menurunkan harga jualan berikutan mereka belum mampu menampung keseluruhan kos perniagaan.

Aktivis pengguna, Dr. Lee Nan Sang berkata, para peniaga mengharapkan kerajaan dapat menurunkan harga barangan keperluan asas lain bagi membolehkan mereka menawarkan harga jualan yang lebih rendah kepada pengguna.

Menurutnya, ini termasuk barangan mentah seperti beras putih, bawang, tepung, minyak masak, daging dan ayam yang sering digunakan dalam penyediaan makanan harian.

"Bagi peniaga makanan, penurunan harga bagi mereka adalah sangat sukar. Mereka mungkin tidak akan menurunkan harga jualan makanan kerana tidak semua hidangan menggunakan telur," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan penurunan harga telur tiga sen bagi setiap gred dilihat tidak memberi impak besar kerana peniaga dan pengguna masih perlu membeli barang asas lain dengan harga mahal.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, kerajaan perlu mengambil langkah proaktif bagi membantu peniaga mengurangkan harga jualan dan mengekalkan kestabilan perniagaan.

Katanya, peniaga menghadapi kesulitan menurunkan harga jualan kerana mereka perlu mempertimbangkan kos lain seperti upah pekerja, pembelian bahan mentah dan pengurusan operasi harian.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 30

Lebih menguntungkan, susulan pengapungan harga diesel

# Penyeludup beralih kepada petrol?

LAPORAN **KHAS**

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafizm.talib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Perbezaan harga hampir RM4 seliter antara petrol Malaysia dan Thailand mendorong penyeludup beralih kepada penyeludupan bahan api bersubsidi tersebut menggantikan diesel yang dinaikkan harga.

Perbandingan harga semasa bahan api petrol dengan Thailand ialah RM5.91 seliter berbanding Malaysia pada RM2.05 seliter.

Jika sebelum ini, sindiket lebih menumpukan kepada aktiviti seludup diesel namun dengan pelarasan subsidi diesel pada 10 Jun lalu, petrol kini menjadi sasaran penyeludup di kawasan sempadan.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, Norazah Jaapar berkata, tidak dinafikan kemungkinan sindiket akan mula beralih kepada petrol kerana lebih menguntungkan.

Namun katanya, ia bergantung kepada permintaan kerana jika dilihat kenderaan di negara jiran kebanyakan menggunakan diesel.

Katanya, meskipun harga diesel telah diapungkan, namun harganya masih rendah jika dibandingkan dengan Thailand dan aktiviti seludup diesel itu juga berkemungkinan masih berlaku.



**KENDERAAN** dari Thailand tidak banyak kelihatan mengisi diesel di sekitar Padang Besar, Perlis, susulan pelaksanaan pelarasan subsidi diesel. – UTUSAN/ ASYRAF MUHAMMAD

Justeru katanya, di bawah Ops Tiris 3.0, pemeriksaan telah dilaksanakan setiap hari di dua pintu sempadan negara di negeri ini iaitu di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar dan Wang Kelian, selain pemeriksaan serta pemantauan di stesen minyak seluruh negeri.

"Pemeriksaan setiap hari tersebut khususnya di stesen minyak berdekatan pintu sempadan negara. Selain itu, kerjasama dengan agensi penguatkuasaan negeri juga turut dijalankan melalui penguatkuasaan bersepadu.

"Tindakan kes juga akan diambil terhadap pengusaha stesen minyak yang bersekongkol dengan sindiket penyelewengan barang kawalan ini. Sekiranya mereka didapati bersalah akan disyorkan penggantungan lesen kepada pihak ibu pejabat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.



**KENDERAAN** perdagangan dari luar Malaysia boleh membuat pengisian diesel atau petrol di stesen minyak tanpa subsidi yang terdapat di Padang Besar dan Wang Kelian, Perlis.

Kata Norazah, sejak pelarasan subsidi diesel setakat ini, belum ada sebarang tindakan kes diambil berhubung penyeludupan bahan api berkenaan.

Bagaimanapun katanya, ia bukan bererti aktiviti tersebut tidak berlaku dan kemungkinan masih ada memandangkan harga diesel di Malaysia masih rendah berbanding negara jiran itu.

Katanya, dari awal tahun sehingga 13 Jun lalu, sebanyak 5,016 liter diesel bernilai RM10,784.00 telah disita.

"Pada masa ini, data masih belum mencukupi untuk melihat trend penyeludupan diesel ini selepas pelaksanaan pelarasan bahan api berkenaan," katanya.

Sementara itu, tinjauan di beberapa lokasi sekitar Padang Besar mendapati, jumlah kenderaan asing yang melakukan pengisian diesel berkurang dan tidak seperti kebiasaan berkemungkinan disebabkan penguatkuasaan berterusan.

Harga diesel di stesen minyak tanpa subsidi di sempadan negeri ini pada minggu lalu juga mendapati harganya lebih murah dengan perbezaan empat sen seliter berbanding harga apungan di stesen-stesen minyak biasa.

Pada minggu lalu, harga di stesen minyak tanpa subsidi adalah RM3.31 seliter manakala harga apungan oleh kerajaan pula RM3.35 seliter.

Pengurus Stesen Minyak Tanpa Subsidi Double Endorse, di sini, Royce Teoh, 31, berkata, bagaimanapun, harga diesel di stesen minyak tanpa subsidi ini boleh berubah ubah bergantung kepada tempahan dibuat pada setiap minggu.

"Setiap kali membuat tempahan bekalan baharu, harga kami akan ditetapkan mengikut harga pasaran terbuka," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU

TARIKH: 19/6/2024

M/SURAT: 32

# Diesel: Industri sayur, bunga berisiko lumpuh

**CAMERON HIGHLANDS:** Industri sayur-sayuran dan bunga-bungaan di sini yang membekalkan kira-kira 40 peratus keperluan negara diancam lumpuh berikutan penghapusan subsidi diesel bagi pekebun memperoleh pendapatan RM300,000 dan ke atas.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, sebelum isu subsidi diesel, kira-kira 2,200 petani di situ sudah terbeban dengan kenaikan kos baja dan gaji pekerja.

"Kini kebanyakan pengusaha yang berpendapatan lebih RM300,000 setahun tidak layak mendapat subsidi diesel sedangkan bahan api ini dianggap 'nyawa' kepada aktiviti pertanian di sini.

"Pengeluaran sayur-sayuran segar di Cameron Highlands sebanyak 1,000 metrik tan sehari dan 30,000 metrik setan sebulan yang dihantar ke seluruh negara, Singapura, Dubai, Thailand, Hong Kong dan China.

"Sekarang kami perlu bersaing dengan sayur diimport dari Thailand dan China dan akhirnya kami tidak boleh pasarkan sayur di pasaran tempatan kerana sayur yang import lebih murah, jadi akan berlaku lambakan sayur tempatan," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ee Mong berkata, beliau berharap kerajaan mengkaji semula pelaksanaan subsidi diesel bagi memastikan inisiatif itu dapat dinikmati oleh petani dan pekebun kecil secara menyeluruh.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Tuan Empunya Kenderaan, Pertubuhan Pengusaha Pertanian Cameron Highlands, Kwang Ee Fu, 58, ahlinya begitu terkesan dengan penghapusan subsidi diesel.

"Kami yang menjadi tulang belakang aktiviti penghantaran hasil ke seluruh negara mengalami kenaikan kos bahan api yang akan meningkatkan kos perkhidmatan dan harga sayur dan bunga-bungaan," katanya.

Pengerusi Persatuan Pekebun India Cameron Highlands, S. Mathan, 44, yang mewakili 400 ahli pula sifatkan penghapusan subsidi diesel sebagai beban berat untuk meneruskan aktiviti ekonomi yang menjadi warisan keluarga sejak puluhan tahun.

Katanya, kawasan kebun yang berbukit, tiada bekalan elektrik dan mereka bergantung sepenuhnya kepada generator untuk menyiram, membaja serta kenderaan pacuan empat roda untuk urusan harian.

Sementera itu Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, kerajaan bersedia mempertimbang untuk menaikkan kadar layak memperoleh subsidi diesel melebihi RM300,000 setahun kepada para petani.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 33



PENYASARAN subsidi diesel menyaksikan laluan Kasban di sempadan Malaysia-Thailand dekat Pengkalan Kubor lenggang daripada aktiviti penyeludupan. – UTUSAN/ROHANA ISMAIL

# Penyeludup lumpuh sejak diesel naik harga

Oleh YATIMIN ABDULLAH dan ROHANA ISMAIL
utusannews@mediamulia.com.my

**TUMPAT:** Penyasaran subsidi diesel yang dikuatkuasakan 10 Jun lalu 'melumpuhkan' aktiviti turun-menurun penyeludupan bahan api itu ke negara jiran.

Tinjauan di sekitar Pengkalan Kubor mendapati kawasan tersebut lenggang selain pacuan empat roda yang sebelum ini banyak digunakan untuk aktiviti berkenaan banyak 'tersadai'.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang penyeludup yang mahu dikenali Nasir berkata, langkah kerajaan itu memberi kesan kepada mereka kerana bahan bakar itu tidak banyak beza dengan harga di di Thailand.

Menurutnya, situasi itu menyebabkan penyeludup tidak lagi meraih pendapatan lumayan jika mereka terus melakukan penyeludupan ke Thailand kerana perbezaan kini cuma RM1.15 seliter.

"Sekarang harga diesel Malaysia RM3.35 seliter manakala di pam minyak di negara Thailand seliter diesel berharga RM4.50.

"Jika ambil untung RM1 harga itu tidak jauh beza dan tentunya rakyat Thailand akan mengisi diesel di pam stesen minyak negara mereka," katanya.

Seorang penduduk yang mahu dikenali Mat Deris berkata, Jalan Kasban sempadan sungai Golok lenggang sejak diesel naik harga.

Katanya, tiada lagi lori dan pacuan empat roda ulang alik mengejar trip untuk menyeludup diesel melalui jalan tersebut.

"Biasanya jalan ini sibuk kerana penyeludup diesel kejar trip dari 10 pagi hingga tengah malam selagi stesen minyak dibuka.

"Bagaimanapun, ketika ini kelihatan kereta sedan yang digunakan untuk aktiviti penyeludupan petrol," ujarnya.

Sementara itu, seorang penduduk Thailand yang mahu dikenali sebagai Him mengakui ketika ini dia berdepan kesukaran untuk mendapatkan bahan api diesel dari Malaysia.

Katanya, tindakan kerajaan Malaysia itu memberikan kesan kepada mereka yang sebelum ini membeli diesel dibawah harga pasaran.

"Bila langkah ini dibuat, kami kembali semula ke pam-pam minyak untuk mengisi diesel. Walaupun harga mahal, itu sahaja pilihan yang ada," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 4

Disalah guna, syarikat besar negara jiran raih untung

# Isu 'rompak minyak' ditangani – PM

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**SEBERANG PERAI** – Perdana Menteri berkata, kewajaran dalam melaksanakan penyasaran subsidi diesel bagi menyelamatkan dana negara yang bocor dan disalah guna pihak tertentu sehingga keuntungannya diperoleh syarikat-syarikat besar di negara jiran.

Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, ini merupakan langkah tepat kerajaan dalam mengekang kecurian diesel terutama melibatkan nelayan asing dan syarikat minyak di sempadan.

Kata beliau, siri-siri penangkapan yang diteruskan itu membuktikan bahawa penyasaran subsidi itu kritikal untuk negara.

"Dua hari sudah, semua bas pelancongan dan syarikat pelancongan dari Singapura nak naik harga sebab tidak dapat subsidi.

"Maknanya, selama berpuluh tahun subsidi kita pergi ke syarikat Singapura dan pergi ke kapal-kapal Siam, dicuri di sana sini, bocor pun banyak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kewajaran penyasaran subsidi diesel di negara ini ketika hadir pada Program Korban Perdana di Masjid Jamek Cherok Tokun Bawah, Bukit Mertajam di sini semalam.



ANWAR hadir pada Program Korban Perdana di Masjid Jamek Cherok Tokun Bawah, Bukit Mertajam semalam. – IQBAL HAMDAN

Dalam pada itu, beliau mengakui terdapat kelemahan dalam pelaksanaan penyasaran diesel tersebut memandangkan masih di peringkat awal.

"Ini percubaan awal yang tentunya kita hadapi sikit masalah. Saya tak nafikan tetapi untuk mencerca seolah zalim menekan rakyat itu tidak wajar.

"Kalau ada kelemahan, maklumkan dan kita akan betulkan. Saya masih ambil sikap kalau ada masalah bagi tahu. Soalnya adalah wajar kita teruskan penyasaran subsidi diesel," ujarnya.

Pada 10 Jun lalu, kerajaan menetapkan harga diesel di Semenanjung pada kadar RM3.35 seliter selaras dengan perlaksanaan penyelarasan semula subsidi bahan api tersebut.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 4

# Berpuluh tahun subsidi dicuri orang asing - PM

Keputusan kerajaan berjaya sekat hak rakyat Malaysia diguna orang luar

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
BUKIT MERTAJAM



Anwar menyantuni kariah Masjid Jamek Cerok Tokun Bawah pada Selasa.

Keputusan kerajaan memotong sebahagian besar subsidi diesel dan melakukan penyasaran kepada golongan tertentu berjaya menyekat hak rakyat daripada terus dicuri oleh orang asing sejak sekian lama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, laporan agensi pelancongan serta bas pelancong di Singapura yang akan menaikkan harga perkhidmatan kerana kenaikan harga diesel di negara ini juga jelas membuktikan selama ini subsidi yang diberikan kerajaan pergi kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Malah jelas beliau, penutupan beberapa stesen minyak di sempadan negara juga dikesan kerana mereka tidak boleh lagi menjual diesel subsidi yang selama ini digunakan orang asing.

"Maknanya selama ini puluh tahun subsidi kita pergi ke syarikat Singapura, pergi ke kapal-kapal nelayan Siam, pi ke sana sini, dicuri dan bocor pun banyak.

"Daripada tahun 2012 hingga 2022 kita tengok berapa jumlah kereta bertambah, kata 3 peratus. Berapa jumlah naik keperluan diesel? Puluhan peratus, tak salah 70 peratus.

"Naik jumlah kereta sikit tapi naik penggunaan diesel melambung kerana diesel itu tidak digunakan hanya untuk golongan sasar yang sepatutnya menikmati subsidi kerajaan tetapi hanya untuk orang asing," katanya ketika berucap sempena Majlis Korban Perdana Bersama Perdana Menteri di Masjid Jamek Cerok Tokun Bawah di sini pada Selasa.

Anwar berkata, sejak zaman pemerintahan Barisan Nasional lagi ramai yang bersetuju dengan pelaksanaan penyasaran subsidi namun ia tidak dibuat hingga membolehkan 3.8 juta orang asing menerima manfaatnya sedangkan rakyat Malaysia yang membayar cukai dan kerajaan yang membayar subsidi berkenaan.

"Melalui penyasaran subsidi ini sebanyak RM4 bilion kita dapat selamatkan. Jadi untuk apa RM4 bilion ini yang kita selamatkan? Bukan untuk naikkan elaun Perdana Menteri ataupun menteri tetapi ia akan balik kepada rakyat," tegasnya.

Sementara itu Anwar berkata, kerajaan akan meneliti implikasi berhubung cadangan untuk meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah bidang kuasa Parlimen.

"Hal itu (meletakkan SPRM di bawah Parlimen) harus kita bincang. Kita kena teliti syarat-syarat ketat (sebelum melaksanakannya)," ujarnya.

Ahad lepas, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika menjadi tetamu audio siar bersama sebuah penerbitan berita tidak bersetuju dengan cadangan untuk meletakkan SPRM di bawah Parlimen kerana SPRM satu-satunya agensi dipantau lima badan bebas berbanding Suruhanjaya Bebas Menentang Rasuah (ICAC) Hong Kong yang dipantau empat badan pengawasan.

# MATTA cadang 3,000 liter kuota sebulan setiap unit subsidi diesel kenderaan

SHAH ALAM - Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) mencadangkan peruntukan 3,000 liter kuota sebulan bagi setiap unit subsidi diesel kenderaan kepada pemain industri pelancongan.

Presiden MATTA, Nigel Wong berkata, peruntukan itu akan sangat membantu meringankan beban kewangan disebabkan kenaikan harga diesel sekali gus memastikan industri pelancongan terus berdaya saing.



NIGEL

Menurutnya, pengumuman baru-baru ini mengenai penamatan rasionalisasi dasar subsidi dan kenaikan harga diesel yang berikutnya telah memberi kesan ketara kepada pengusaha van dan bas pelancongan.

"Sebelum pelarasan harga ini, analisis kami menunjukkan bahawa van dan bas pelancongan menggunakan sejumlah besar bahan api setiap bulan dengan kos kini meningkat sebanyak 54 peratus disebabkan oleh harga diesel baharu RM3.35 seliter.

"Peningkatan ini telah menyebabkan beban kewangan yang besar kepada sektor kami dan mencabar keupayaan untuk mengekalkan harga yang kompetitif serta menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada pelancong antarabangsa dan domestik," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Tambah beliau, pihaknya memahami objektif kerajaan Madani dan menyokong sepenuhnya namun industri memerlukan masa untuk menyesuaikan diri memandangkan kewajipan kontrak yang dimiliki oleh ramai ejen.

Nigel turut menekankan kepentingan subsidi bahan api sempena kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) yang akan datang.

"Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) menyasarkan untuk menarik 35.6 juta pelancong asing ke Malaysia. Jadi subsidi bahan api adalah penting untuk mengurangkan tekanan kewangan kepada pengendali, menyokong daya saing sekali gus memastikan kejayaan kempen.

"Kami percaya bahawa industri ini akan lebih bersedia untuk menyumbang kepada ekonomi Malaysia sekiranya kerajaan melaksanakan langkah-langkah tersebut," jelasnya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 10

# Penurunan harga telur: Jangkaan Muhyiddin meleset

**SHAH ALAM -** Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin meluahkan rasa kecewa selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penurunan harga telur dan bukan pakej ekonomi yang lebih komprehensif kepada rakyat.

Menurut Ahli Parlimen Pagoh itu, selepas penarikan balik subsidi diesel bukan harga telur sahaja meningkat tetapi barang dan perkhidmatan termasuk tambang bas sekolah turut menerima implikasi yang sama.

"Terima kasih Perdana Menteri kerana mengumumkan penurunan harga telur 3 sen. Katanya ini usaha kerajaan untuk mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi diesel kepada rakyat.

"Saya jangkakan beliau nak umumkan mekanisme komprehensif untuk turunkan harga barang atau mungkin pakej ekonomi serta bantuan bernilai RM4 bilion iaitu bersamaan jumlah penjimatan perbelanjaan kerajaan hasil penyasaran subsidi.

"Namun yang diumumkan hanyalah penurunan harga telur yang melibatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM100 juta sahaja. Jangkaan saya meleset," katanya dalam hantaran di Facebook pada Isnin.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 10

# Peniaga lega, bantu kurangkan kos operasi

**KUALA LUMPUR** - Penurunan harga runcit telur ayam gred A, B, dan C sebanyak 3 sen sebiji berkuat kuasa pada Isnin memberi kelegaan kepada golongan peniaga terutamanya yang melakukan perniagaan kecil-kecilan selain turut disambut baik pengguna di seluruh negara.

Pengerusi Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Bumiputera Pasar Siti Khadijah di Kelantan, Ahmad Nazri Che Omar berkata, inisiatif itu memberi peluang kepada peniaga khususnya penjual makanan meraih sedikit keuntungan, memandangkan masih ada yang menjual kuih pada harga lama, walaupun berlaku kenaikan harga telur sebelum ini.

Di Kedah, peniaga makanan Ashraf Zaidi, 33, berkata, penurunan harga itu dapat mengurangkan kos perniagaannya dan turut memberi manfaat kepada pelanggan memandangkan harga makanan berasaskan telur dapat diturunkan sedikit.

Di Selangor, pembuat kek dan pastri Intan Baizura Zainal, 39, berkata, langkah itu dapat mengurangkan tekanan kewangan kepada pengusaha bakeri kerana kebanyakan barangan membuat kuih dan kek ketika ini semakin meningkat.

"Ini mungkin permulaan kepada usaha kerajaan menurunkan harga barangan keperluan lain," katanya.

Sementara itu, di Pulau Pinang, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, penurunan harga runcit telur akan membantu mengurangkan masalah kewangan kepada golongan berpendapatan rendah khususnya yang membeli dalam kuantiti banyak untuk tempoh seminggu.

"Langkah ini juga akan membantu peniaga dan penjual makanan kerana mereka boleh menurunkan kos," katanya. - *Bernama*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 19/6/2024

M/SURAT: 1




DULU RM3.45 SELITER, KINI MAHAL RM4.20 SELITER

# PENYELUDUP 'DAHAGA' DIESEL

Penyeludup di selatan Thailand yang menyeludup dan menjual diesel bersubsidi Malaysia mengakui mereka kini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan ekoran langkah kerajaan mengapungkan harga bahan api berkenaan. Keadaan itu turut menyebabkan harga diesel Malaysia yang dijual di negara gajah putih itu naik kepada RM4.20 seliter berbanding RM3.45 seliter sebelum ini. lapor Sharifah Mahsinah Abdullah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 19/6/2024

M/SURAT: 8

# 'Bas pelancongan dari Singapura sudah naikkan harga'

**"Subsidi ini (diesel) untuk orang miskin, petani, nelayan dan pekebun kecil ataupun pihak bas sekolah dan pengangkutan awam, tetapi memang terlalu nyata orang yang mencerca kita. Tengoklah, kalau ada beberapa kelemahan, maklum, kita betulkan"**

*Anwar Ibrahim*

Bukit Mertajam: "Dua (tiga) hari sudah, semua bas pelancongan dan syarikat pelancongan dari Singapura naik naik harga sebab tak dapat subsidi.

"Maknanya, selama berpuluh tahun subsidi kita pergi ke syarikat Singapura dan ada yang pergi ke kapal nelayan Siam, (diesel) dicuri di sana sini, bocor pun banyak," kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kerana itu, menurut Anwar, penyasaran subsidi diesel dibuat kerana ia sebelum ini dinikmati 3.8 juta warga asing sedangkan yang membayar cukai rakyat.

"Subsidi kita (kerajaan) bayar, cukai rakyat Malaysia (bayar), tetapi (subsidi diesel) warga asing dapat. Perniagaan haram guna minyak (diesel) kita.

"Bagi penanaman padi, traktor tapa sahaja perniagaan berkaitan penggunaan diesel di negara ini) kita akan bagi (subsidi), tetapi kita tidak boleh bagi dekat (orang) kaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Korban Perdana di Masjid Jamek Cherok Tokun di sini, semalam.

Ketika ditemui media, jelas Anwar, penyasaran subsidi diesel oleh kerajaan langkah wajar dalam menangani isu salah guna dan kecurian bahan api terbabit membabitkan warga asing sehingga mendatangkan kerugian besar terhadap negara.

Meskipun dicerca dengan dianggap zalim, Anwar berkata, langkah itu penting dalam menyelamatkan dana negara yang bocor daripada pihak tidak bertanggungjawab.

Tegasnya, beliau menyedari ramai yang tidak dapat menerima keputusan kenaikan bahan api berkenaan dan bersedia memperbaiki segala kelemahan yang ada.

"Kita baca liputan media (bahawa ramai) tidak dapat menerima (kenaikan) minyak diesel. (Di sini) kita nampak perlanggaran daripada (segi) peraturan diesel.

"Subsidi ini (diesel) untuk orang miskin, petani, nelayan dan pekebun kecil atau pun pihak bas sekolah dan pengangkutan awam, tetapi memang terlalu nyata orang yang mencerca kita. Tengoklah, maksud kita, kalau ada beberapa kelemahan, maklum, kita betulkan.

"Ini percubaan awal yang tentu hadapi sikit masalah. Saya tidak nafikan, tetapi untuk mencerca seolah zalim menekan rakyat.

"Sebentar tadi, saya tanya jawatankuasa masjid, beliau siapa terkesan dengan diesel, depa (mereka) kata tiada. Tetapi saya masih ambil sikap kalau ada masalah, tolong bagi tahu kerana (penyasaran subsidi) soal yang besar dan wajar kita teruskan," katanya.

Jelasnya, melalui penyasaran subsidi itu, kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan RM4 bilion yang ia boleh disalurkan semula kepada rakyat melalui pelbagai program bantuan dan kebajikan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 19/6/2024

M/SURAT: 8

Oleh Sharifah Mahsinah Abdullah
am@hmetro.com.my

PENGAPUNGAN HARGA MENYEBABKAN BEKALAN SUKAR DIPEROLEH DI NEGERI UTARA SEMENANJUNG

# Penyeludup diesel makin tersepit!




KERAJAAN menetapkan harga diesel di Semenanjung pada kadar RM3.35 seliter bermula tarikh 10 Jun lalu.

Kota Bharu

Peniaga di selatan Thailand yang menyeludup dan menjual diesel bersubsidi mengakui mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan barangan subsidi itu susulan langkah kerajaan Malaysia mengapungkan harga bahan api berkenaan.

Kebanyakan peniaga yang mengendalikan gerai di sepanjang jalan utama di bandar Sungai Golok, Narathiwat dan wilayah Yala mendakwa sukar mendapatkan diesel seludup dari Malaysia sejak 10 Jun lalu.

"Langkah kerajaan Malaysia menyasarkann subsidi diesel menyebabkan harga bahan api di negara itu meningkat daripada RM2.15 kepada RM3.35 seliter.

"Jika sebelum ini, kami menjual diesel Malaysia antara RM3.20 hingga RM3.45 seliter, tetapi kini kami terpaksa menaikkan sedikit harganya.

"Kami menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan diesel daripada pembekal utama (penyeludup) di wilayah selatan," kata peniaga diesel yang hanya mahu dikenali sebagai Pak Cu.

Lelaki berusia 70 tahun itu yang mengusahakan gerai di Narathiwat berkata, dia dan peniaga Thailand lain kini menjual diesel Malaysia antara RM4 hingga RM4.20 seliter kepada pemandu Thailand. Harga diesel semasa di Thailand adalah RM4.26 seliter.

Beliau juga percaya peningkatan rondaan sempadan oleh agensi penguatkuasaan Malaysia terhadap penyeludupan diesel juga menjadi punca kekurangan bekalan.

Sementara itu, tinjauan di Takbai dan Sungai Golok menunjukkan jumlah gerai di sepanjang jalan utama yang menjual minyak Malaysia menunjukkan penurunan drastik.

Pemandu kenderaan Thailand membeli diesel Malaysia berikutan harga yang lebih murah berbanding dijual di negara mereka.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan memaklumkan kerajaan menetapkan harga diesel di Semenanjung pada kadar RM3.35 seliter bermula tarikh 10 Jun lalu.

Amir Hamzah berkata, penetapan dibuat mengikut harga pasaran tanpa subsidi berdasarkan purata bulan Mei 2024 mengikut formula *Automatic Pricing Mechanism*.

Penyasaran subsidi diesel itu dijangka dapat menjimatkan RM4 bilion serta memberi ruang fiskal yang lebih luas kepada kerajaan dalam usaha meningkatkan lagi kualiti pelbagai perkhidmatan yang menjadi kepentingan rakyat.

Berikutan itu, bagi mengurangkan kesan harga diesel baharu, kerajaan memperkenalkan program bantuan tunai komoditi Budi Madani individu dan Budi Madani Agro yang membabitkan 30,000 individu yang layak menerima RM200.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: RABU
TARIKH: 19/6/2024
M/SURAT: 2

DECISIVE ACTION

# 'SUBSIDY MOVE SHOWS FIRM LEADERSHIP'

## Govt proven right in rationalising diesel subsidy as country's resources are being stolen, says PM

AUDREY DERMAWAN
**BUKIT MERTAJAM**
news@nst.com.my



*Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim mingling with the crowd at Masjid Jamek Cheruk Tok Kun in Bukit Mertajam yesterday.* PIC BY DANIAL SAAD

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim yesterday said leaders must be firm and willing to take risks.

Speaking at a gathering with the community at Masjid Jamek Cheruk Tok Kun here, he said this was the reason for the government's implementation of the diesel subsidy rationalisation.

"Yes, the move did affect people, but we must do our best to continue providing subsidies to those who deserve them. If you believe you are entitled to subsidies, apply to us and we will assist where possible," he said.

Anwar added that savings from the diesel subsidy rationalisation would go towards the people in the form of cash aid and salary increases for civil servants, among others.

Anwar said he did not forget promises the then-opposition made in 2008 to reduce fuel prices if they came to power, though this was not possible now.

Then, the price of fuel in Malaysia was between RM1.50 and RM1.80 per litre while in Saudi Arabia, it was around 50 sen per litre.

"Now, the price of fuel in Saudi Arabia is RM2.95 per litre while our RON95 is RM2.05 per litre.

"The production cost has increased and as such we are forced to postpone plans to bring down fuel prices."

Speaking later, he said the move by Singaporean tour companies to raise ticket prices showed that the government was right to rationalise the diesel subsidy.

"Two days ago, tourist buses and companies from Singapore raised their prices because they said they could no longer receive subsidised diesel.

"This means that for decades, they have been enjoying our subsidised diesel. The same goes for fishing boats from Thailand," he said, referring to the foreign fishermen caught smuggling subsidised diesel out of the country.

Anwar said the country's subsidised diesel — meant for the poor — had been stolen and the people did not benefit.

"How much is this costing the country? As such, the diesel subsidy rationalisation is the right move to prevent our resources from being misused.

"That is very obvious. So those who want to curse us should look at all this.

"If there are any weaknesses, let us know and we can rectify them. In the beginning, there may be some issues. We do not deny this. We are aware that this is not a popular move."

Anwar said those affected would be given fleet cards. He said as such, it was reasonable for the government to rationalise the diesel subsidy.

Anwar also vowed to try his best to help reduce the burden faced by the people, particularly those in the low-income group.

"If there are ways, I will endeavour to do it."

He cited the drop in the egg prices, saying that a study had found that Malaysians, particularly those in the low-income group, consumed large quantities of eggs.

"For families in the middle- and low-income group, especially the B40, they consume four eggs a day. They are substituting meat with eggs.

"As such, we called the companies concerned to discuss.

"We asked how much profit they are making and if it is possible to reduce it.

"We are not talking about losses, but making less profit to reduce the people's burden.

"That is why I announced a drop in egg prices yesterday (Monday)," he said.

Anwar said if there were other ways to reduce the people's burden, he would do it.

At another function, he said further discussions were needed before deciding to place the Malaysian Anti-Corruption Commission under Parliament's purview to ensure its independence.

He said putting MACC under politicians might have implications as, sometimes, these same politicians might come into the commission's sights.

Recently, MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki, speaking in the *New Straits Times'* talk show Beyond the Headlines recently, had said he disagreed with the proposal.

He said the MACC was the only agency in Malaysia to be monitored by five independent oversight bodies.

Anwar said the MACC had never been this aggressive in pursuing those involved in graft.

He said the graft-buster had showed that corruption was still occurring in the country.

"Officials from the Immigration Department, the Inland Revenue Board, police, Customs Department... they are still taking the country's wealth illegally.

"Answer to the charges with proof. Don't create. Don't use technical arguments," he added.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: RABU

TARIKH: 19/6/2024

M/SURAT: 4

# Ending subsidy abuse by foreigners

## PM: Diesel price reform needed to save nation from financial drain

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

**BUKIT MERTAJAM:** The rise in fares by Singapore tour agencies has shown their long-standing reliance on Malaysian diesel subsidies, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said the diesel subsidy rationalisation was needed to save the country in preventing financial drain from misuse.

"Tour buses and travel companies from Singapore raised prices because they said they could not get diesel subsidies.

"This meant that they had been benefiting from our diesel subsidies for decades. Not only them, there were foreign fishermen and others at the country's borders making use of our subsidies.

"Plenty of funds were leaking over the years," he said during the Aidiladha Korban Perdana sacrificial ceremony at Masjid Jamek Cherok Tokun Bawah here yesterday.

The subsidies, said Anwar, were benefiting 3.8 million foreigners.

"It (diesel) was taken out to Thailand and used by Thai fishing boats.

"This is Malaysian taxpayers' money but foreigners were reaping the benefits.

"The number of cars produced from 2012 to 2020 was small compared to the skyrocketing increase in diesel consumption because the fuel was enjoyed by foreigners," he said.

Anwar also said there were bound to be teething problems in any subsidy rationalisation when first rolled out.

"If there are weaknesses, inform us and we will correct them. Those who have concerns or issues with it, let us know so that we can improve.

"When we start something, there will be flaws. Tell us so we can correct it rather than saying cruel things (about it)," he said.

Anwar, who is also the Finance Minister, acknowledged that the move did affect the people but assured the Madani government would do its best to continue to provide subsidies to those deserving.

He said detractors had been attacking the government for implementing the diesel rationalisation instead of giving constructive criticisms.

"These subsidies are for the poor, the deserving. Those who deserve to get subsidies can apply for them.

"Those who use diesel, like fishermen, farmers, public transport operators, all of them can apply for subsidies.

"My duty is to safeguard the interests of the M40 and B40, so subsidies are for them only," he added.

Later, when approached by the press, Anwar noted that the move affected companies bordering Malaysia which had illegally benefited from the diesel subsidies over the years.

"It will save us funds that have been misused by others.

"The savings from the diesel subsidy rationalisation would be returned to the people," he reiterated.

On Monday, the Prime Minister said the government was still bearing around RM7bil in subsidies related to diesel in Peninsular Malaysia.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 19 JUN 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 19-Jun | KPDN nafi petani Cameron Highlands terlepas subsidi diesel | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/kpdn-nafi-petani-cameron-highlands-terlepas-subsidi-diesel/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 19-Jun | Smuggling of subsidised diesel: Rep calls on KPDN to beef up enforcement | https://www.theborneopost.com/2024/06/18/smuggling-of-subsidised-diesel-rep-calls-on-kpdn-to-beef-up-enforcement/ | THE BORNEO POST |
| 19-Jun | Op Tiris kesan RM1.62 juta diesel bersubsidi diseleweng di ibu negara | https://www.utusan.com.my/berita/2024/06/op-tiris-kesan-rm1-62-juta-diesel-bersubsidi-diseleweng-di-ibu-negara/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 19-Jun | Sarawak rep urges Domestic Trade Ministry to beef up enforcement to curb subsidised diesel smuggling in state | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/18/sarawak-rep-urges-domestic-trade-ministry-to-beef-up-enforcement-to-curb-subsidised-diesel-smuggling-in-state/140264 | MALAY MAIL |
| 19-Jun | Juragan cuba seludup minyak masak ditahan | https://beritasabah.com/juragan-cuba-seludup-minyak-masak-ditahan/ | BERITA SABAH |
| 19-Jun | Lelaki tempatan cuba seludup minyak masak ditahan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/06/18/lelaki-tempatan-cuba-seludup-minyak-masak-ditahan | UTUSAN BORNEO |
| 19-Jun | "Ini kereta Sabah" – Pemandu kereta dipercayai dari Singapura isi minyak petrol RON95 di Melaka | https://beritaperak.com/ini-kereta-sabah-pemandu-kereta-dipercayai-dari-singapura-isi-minyak-petrol-ron95-di-melaka/ | BERITA PERAK |
| 19-Jun | Diskaun istimewa kepada pengusaha makanan tawar Menu Rahmah, kata Mydin | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/484408 | THE MALAYSIAN INSIGHT |
| 19-Jun | CAKE sambut baik pengumuman turun harga telur | https://www.suarakeadilan.my/post/cake-sambut-baik-pengumuman-turun-harga-telur | SUARA KEADILAN |
| 19-Jun | Penurunan harga telur ayam bantu golongan kurang mampu, seru harga makanan diturunkan | https://selangorkini.my/2024/06/penurunan-harga-telur-ayam-bantu-golongan-kurang-mampu-seru-harga-makanan-diturunkan/ | SELANGOR KINI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19-Jun | Kerajaan masih tanggung RM7 bilion subsidi diesel | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/kerajaan-masih-tanggung-rm7-bilion-subsidi-diesel/#google_vignette | UTUSAN MALAYSIA |
| 19-Jun | Undang-undang tanda harga mesti dikuatkuasakan | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2024/06/1260183/undang-undang-tanda-harga-mesti-dikuatkuasakan | BERITA HARIAN |
| 19-Jun | CAP GESA PENGUATKUASAAN TANDA HARGA LEBIH KETAT | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2308966 | BERNAMA |
| 19-Jun | CAP gesa penguatkuasaan tanda harga lebih ketat | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cap-gesa-penguatkuasaan-tanda-harga-lebih-ketat-475316 | ASTRO AWANI |
| 19-Jun | Pamer tanda harga, jangan kelirukan pengguna - CAP | https://www.sinarharian.com.my/article/670591/berita/nasional/pamer-tanda-harga-jangan-kelirukan-pengguna---cap | SINAR HARIAN |
| 19-Jun | Ramai peniaga Pulau Pinang gagal pamer tanda harga – CAP | https://malaysiagazette.com/2024/06/18/ramai-peniaga-pulau-pinang-gagal-pamer-tanda-harga-cap/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 19-Jun | Alasan penyasaran subsidi diesel, peniaga naikkan harga LPG | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/06/1260222/alasan-penyasaran-subsidi-diesel-peniaga-naikkan-harga-lpg | BERITA HARIAN |
| 19-Jun | Action taken against trader selling cooking gas above controlled price - KPDN | https://thesun.my/local-news/action-taken-against-trader-selling-cooking-gas-above-controlled-price-kpdn-AP12590770 | THE SUN |
| 19-Jun | Domestic Trade Ministry to take action against trader for selling cooking gas above controlled price in viral video | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/18/domestic-trade-ministry-to-take-action-against-trader-for-selling-cooking-gas-above-controlled-price-in-viral-video/140351 | MALAY MAIL |
| 19-Jun | PENIAGA TULAR JUAL LPG LEBIH HARGA KAWALAN DIKENAKAN TINDAKAN - KPDN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2308986 | BERNAMA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19-Jun | KPDN serbu peniaga jual LPG melebihi harga kawa-lan | https://www.sinarharian.com.my/article/670607/berita/semasa/kpdn-serbu-peniaga-jual-lpg-melebihi-harga-kawalan | SINAR HARIAN |
| 19-Jun | Beri alasan pelarasan sub-sidi diesel naikkan harga LPG | https://www.buletintv3.my/nasional/beri-alasan-pelarasan-subsidi-diesel-naikkan-harga-lpg/ | BULETIN TV3 |
| 19-Jun | Peniaga beri alasan pen-yasaran subsidi diesel untuk jual LPG RM34 setong | https://malaysiagazette.com/2024/06/18/peniaga-beri-alasan-penyasaran-subsidi-diesel-untuk-jual-lpg-rm34-setong/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 19-Jun | 209 notis bertulis dikeluar peniaga manipulasi harga | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/209-notis-bertulis-dikeluar-peniaga-manipulasi-harga/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 19-Jun | KPDN serbu premis jual LPG melebihi harga kawa-lan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1101907/kpdn-serbu-premis-jual-lpg-melebihi-harga-kawalan | HARIAN METRO |
| 19-Jun | Penyasaran subsidi: Jangan anaktirikan pengusaha trak tunda | https://malaysiagazette.com/2024/06/18/penyasaran-subsidi-jangan-anaktirikan-pengusaha-trak-tunda/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 19-Jun | Pengusaha trak tunda minta kerajaan 'sedekah' subsidi diesel | https://www.malaysiakini.com/news/709102 | MALAYSIA KINI |
| 19-Jun | REPORT TO KPDN IF EGG PRICES DO NOT DROP – CONSUMER MOVEMENT | https://malaysiantribune.com/report-to-kpdn-if-egg-prices-do-not-drop-consumer-movement/ | MALAYSIAN TRIBUNE |
| 19-Jun | GRADE A, B AND C EGG PRICES DROP BY THREE SEN EACH STARTING TO-DAY: PM ANWAR | https://malaysiantribune.com/grade-a-b-and-c-egg-prices-drop-by-three-sen-each-starting-today-pm-anwar/ | MALAYSIAN TRIBUNE |